

**KEBERKESANAN PROGRAM EKONOMI GERAKAN DAYA WAWASAN**

**KAJIAN KES: KAMPUNG PARIT TENGAH, PARIT RAJA, DAERAH  
BATU PAHAT, JOHOR.**

**NORSHILA BINTI ZAINAL ABIDIN**

Projek Sarjana Muda ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**APRIL, 2010**

## **ABSTRAK**

Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957, pelbagai projek dan program telah dijalankan oleh pihak kerajaan untuk membantu masyarakat luar bandar di negara ini yang berhadapan masalah kemiskinan. Pihak kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memastikan hasrat dan tujuan untuk membebaskan masyarakatnya daripada belenggu kemiskinan tercapai dan seterusnya melatih mereka untuk berdikari. Oleh itu, melalui GDW kerajaan berhasrat untuk membangunkan ekonomi penduduk luar bandar tercapai. Ini selaras dengan hasrat yang dinyatakan dalam rangka RMKe10 yang mahu kemiskinan dibasmi dan peningkatan bagi isi rumah dipertingkatkan. Kerajaan juga mahu penduduk luar bandar lebih berdikari dalam memajukan ekonomi mereka tanpa mengharapkan inisiatif kerajaan. Kaedah yang digunakan untuk membangunkan semula ekonomi penduduk luar bandar ialah melalui program Ekonomi GDW seperti, pertanian, penternakan, homestay, Industri Kecil Sederhana (IKS) dan sebagainya. Seperti yang terdapat di kawasan kajian, aktiviti penternakan seperti lembu dan ayam kampung, aktiviti pertanian seperti nanas, kelapa sawit dan getah serta beberapa aktiviti ekonomi di bawah seliaan GDW. Kerajaan berharap penglibatan dan usaha sepenuhnya daripada penduduk tersebut yang terlibat menjayakan program ekonomi GDW akan dapat melatih mereka untuk berdikari dalam membangunkan ekonomi mereka. Selain itu, program ekonomi GDW ini diharap dapat menarik lebih penglibatan khususnya penglibatan daripada golongan muda. Hal ini kerana, jika dilihat program ekonomi GDW lebih mendapat tumpuan mereka yang berusia. Kerajaan tidak mahu program ini hanya separuh jalan, tiada kesinambungan. Oleh itu, bagi memastikan program ini terus dijalankan, penglibatan yang aktif daripada golongan muda diharapkan. Selain itu, penglibatan golongan muda yang aktif akan memberi impak yang berkesan melalui penyaluran tenaga kerja dan juga idea-idea bernalas. Justeru, melalui kajian yang dilakukan ini dapat menilai keberkesanan program ekonomi GDW yang dilakukan. Bagi menilai keberkesanan ini, faktor pendapatan utama dan pekerjaan utama penduduk akan dianalisis. Selain itu, faktor penglibatan penduduk yang menyertai program ekonomi GDW juga akan turut dikaji antaranya, tempoh masa bekerja, pekerjaan utama, tingkat pendapatan, kemahiran dan sebagainya. Melalui analisis yang telah dilakukan, faktor umur, tempoh masa bekerja, tempat kerja responden dan pertalian keluarga responden dengan JKK GDW antara faktor yang berperanan dalam mempengaruhi penglibatan penduduk dalam ekonomi GDW. Oleh itu, daripada kajian analisis tersebut cadangan yang berkaitan diusulkan bagi menggiatkan penglibatan golongan muda dan cadangan keberkesanan program ekonomi GDW dalam meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

## **ABSTRACT**

Since Malaysia declares independence in the year 1957, government has launching several projects and programs to help rural community that facing poverty. Government has spent millions of ringgit to ensure our community free from poverty and train them to be dependence. Through GDW, government hopefully to achieve developing economy for rural settlers. GDW is actually in line with RMK-10 that wants to demolish poverty and income for every household to be increased. Government also wants to rural community not to depend much on government incentive. Through vary economics program such as GDW, agriculture, homestay and small and medium industries (IKS) is seen can increased income. Fully involvement from the rural community will help them to be dependence and generate their economy for them self. GDW economics program hopefully will get intention from the youth. It is because; now GDW programs were mainly participating by older people. For this program, government want to be continuity. To make this program continuous, active involvement from the youth is needed. Involvement from the youth can influence the effective opinion. Coincidentally, by the research can evaluate the effectiveness of the GDW economy program. To evaluate the programs, the income of household and main job of respondent will analyse. Besides, also study the factor of respondent involvement in GDW economy program. The study will focus on the duration of working time, the prime job, level of income, skills etc. Based on analyse have done, the age factor, duration of working time, place of working and blood relationship among respondent and GDW Committee was influence the respondent involvement in GDW economy program. Hence, from the results of analyse, the suggestion can proposed to attract more youth to involve the program. Besides, will propose the effectiveness of GDW economy program, focus on increase household income.